

TARIKH : 4 JANUARI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 24

### Harga barang, perkhidmatan dijangka turun

Oleh Hazwan Faisal  
Mohamad  
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

**H**arga barang dan perkhidmatan ber kemungkinan akan turun sebanyak tiga peratus tahun ini disebabkan oleh penurunan permintaan akibat kekangan kewangan pengguna.

Menurut TA Securities dalam nota penyelidikannya baru-baru ini, merandangkan inflasi teras mencapai kemuncak baharu pada 4.2 peratus tahun ke tahun (YoY), pihaknya percaya Bank Negara Malaysia (BNM) berkemungkinan menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas lagi dalam mesyuarat Januari yang dijadualkan pada 18-19 Januari ini.

"Satu lagi kenaikan kadar turut dijangka dalam mesyuarat Mac, mendorong kadar dasar semalam (OPR) untuk dinaikkan pada 3.25 peratus.

"Ini boleh menyebabkan perbelanjaan rakyat Malaysia menjadi lebih ketat, se kali gus mengurangkan permintaan untuk barang, dan akhirnya mengundang kepada harga yang lebih rendah. Akibatnya, harga boleh turun sekitar 3.0 peratus tahun ini," katanya.

Tambah firma penyelidikan itu, jangkaan bahan subsidi bahan api akan di teruskan bersama-sama dengan pengukuran Ringgit, yang diunjurkan pada RM4.35/dolar AS, dan harga komoditi yang normal, juga akan menyumbang kepada pertumbuhan tahunan yang sederhana.

"Selain itu, melihat kepada bagaimana harga terus meningkat, unjuran kami



KENAIKAN OPR boleh menyebabkan perbelanjaan rakyat Malaysia menjadi lebih ketat, se kali gus mengurangkan permintaan untuk barang dan akhirnya mengundang kepada penawaran harga lebih rendah.

#### KEKANGAN KEWANGAN

# HARGA BARANG, PERKHIDMATAN DIJANGKA TURUN

(kadar inflasi) 3.1 peratus untuk tahun ini tidak mungkin menjadi kenyataan. Ia sepatutnya hampir dengan angka awal tahun lalu sehingga 27 Disember 2022 iaitu sebanyak 3.4 peratus," katanya.

Indeks Harga Pengguna (CPI) utama Malaysia meningkat sebanyak 4.0 peratus YoY kepada 129 mata

pada November 2022, kadar yang sama dilihat pada bulan sebelumnya, katanya.

"Kenaikan itu mengatasi jangkaan kami dan ramalan konsensus masing-masing 3.5 peratus dan 3.9 peratus YoY.

"Harga makanan terutamanya terus menjadi punca utama peningkatan kadar inflasi, diikuti oleh kos seg-

men pengangkutan yang lebih tinggi.

"Selain itu, komponen lain juga menunjukkan ke naikan kos hasil daripada permintaan domestik yang bertambah baik, seperti restoran & hotel dan perkhidmatan & budaya rekreasi," katanya.

Tambah firma penyelidikan itu, inflasi utama me ningkat sebanyak 0.3 peratus daripada 128.6 mata pada Oktober perbandingan bulanan.

"Dari segi trend, inflasi November menandakan bulan kedua puluh berturut-turut melepassi purata inflasi Malaysia sebanyak 2.0 peratus YoY dari Januari 2010 hingga November 2022," katanya.